



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

3,284 PEMERIKSAAN DIJALANKAN SEPANJANG SHMMP KRISMAS 2023

PUTRAJAYA, 29 DISEMBER 2023 - Perayaan Krismas telah disambut di seluruh negara pada 25 Disember 2023. Susulan itu, Kerajaan telah melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2023 berkuat kuasa dari 23 Disember 2023 hingga 27 Disember 2023. Pelaksanaan skim ini merupakan langkah Kerajaan dalam menangani kos sara hidup semasa sambutan Hari Krismas 2023.

Tempoh pelaksanaan skim ini adalah selama 5 hari dan berkuat kuasa pada 2 hari sebelum perayaan, 1 hari semasa perayaan dan 2 hari selepas perayaan. Sebanyak 14 jenis barangan harga terkawal berserta harga maksimumnya telah diwartakan bagi pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2023.

Sepanjang pelaksanaan skim ini, sebanyak 3,284 pemeriksaan telah dijalankan ke atas premis perniagaan di seluruh negara merangkumi 69 pemeriksaan ke atas premis borong dan 3,215 pemeriksaan ke atas premis runcit.

Sepanjang tempoh kuat kuasa skim, sebanyak 1 tindakan undang-undang telah diambil terhadap peniaga membabitkan kes gagal meletakkan tanda harga pada barangan harga terkawal iaitu tomato. Selain wajib meletakkan tanda harga, peniaga juga wajib meletakkan tanda harga merah jambu ke atas barangan harga terkawal bagi membolehkan pengguna membezakan antara barangan biasa dengan barang-barang yang dikawal harganya. Penggunaan tanda harga merah jambu ini penting bagi mengelakkan pengguna terkeliru semasa membeli barang keperluan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup tidak menerima sebarang aduan semasa pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2023. Majoriti peniaga yang diperiksa komited serta mematuhi perundangan harga maksimum yang berkuatkuasa sepanjang pelaksanaan skim ini. Kementerian ingin merakamkan penghargaan kepada pihak industri dan keseluruhan peniaga atas komitmen serta kerjasama dalam menjayakan pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2023 ini.

Berdasarkan pemantauan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup serta maklum balas orang ramai, pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2023 telah berjalan dengan baik dan lancar.

YBHG. DATUK AZMAN BIN ADAM,
KETUA PENGARAH PENGUAT KUASA,
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP.